

## **PELAKSANAAN PEMBELAJARAN MENYERONOKKAN DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU**

*(The Implementation Fun Learning in Teaching and Learning Malay Language)*

**ABDUL RASID JAMIAN**

[arasid@upm.edu.my](mailto:arasid@upm.edu.my)

Universiti Putra Malaysia

**HASMAH ISMAIL**

[hasmahismail71@yahoo.com](mailto:hasmahismail71@yahoo.com)

Universiti Putra Malaysia

**Diserah pada:**

10 Jun 2013

**Diterima pada:**

2 November 2013

**Koresponden:**

[arasid@upm.edu.my](mailto:arasid@upm.edu.my)

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesediaan guru Bahasa Melayu mengaplikasikan pembelajaran menyeronokkan. Di samping itu, persepsi guru terhadap kebolehgunaan dan kesesuaian pelaksanaan pembelajaran menyeronokkan dalam meningkatkan prestasi pembelajaran dan pengajaran Bahasa Melayu. Kajian ini dijalankan terhadap 92 guru Bahasa Melayu di lapan buah sekolah di Zon Pasir Putih, Pasir Gudang, Johor. Kajian ini dijalankan secara deskriptif dan menggunakan soal selidik. Dapatkan kajian dianalisis menggunakan statistik deskriptif yang merangkumi taburan frekuensi, peratusan, min dan sisisian piawai. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa guru-guru bersikap positif dan mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap kebolehgunaan dan kesesuaian pembelajaran menyeronokkan dalam pembelajaran dan pengajaran Bahasa Melayu. Mereka juga mengakui bahawa penggunaan multimedia dapat mewujudkan pembelajaran menyeronokkan. Namun begitu, guru-guru Bahasa Melayu masih kurang menggunakan bahan bantu mengajar. Hal ini demikian kerana mereka masih cenderung untuk menggunakan teknik pengajaran berdasarkan bakat semula jadi guru atau murid berbanding penggunaan bahan bercetak, alat pandang dengar dan perisian multimedia untuk mewujudkan amalan pembelajaran menyeronokkan.

**Kata kunci:** Pelaksanaan, pembelajaran menyeronokkan, pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

**Abstract:** This study is carried out to identify the readiness of teachers teaching Bahasa Melayu in applying fun ways, their perception and its appropriateness in teaching Bahasa Melayu in fun learning. In order to improve the performance of teaching and learning the subject. This study is conducted on 92 teachers teaching Malay Language from 8 schools in Pasir Putih Zone in Pasir Gudang, Johor. This research based on descriptive with questionnaire. The findings are analysed using the descriptive statistics which covers the distribution frequency, percentage, mean and standard deviation. The findings shows teachers are being positive and having high confidence towards the use and the appropriateness of fun way learning in the teaching and learning Malay Language. They also agreed that the use of multimedia could create a fun way of learning. However, Bahasa Melayu subject teachers are still lacking of the use of teaching aids. As a result, they tend to use the teaching technique which is based on the teacher or student talents instead of using printed materials, visual aids and multimedia software to create fun learning habit.

**Key words:** Implementation, fun learning, teaching and learning of Malay language

## PENGENALAN

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (2011), telah mencadangkan penyerapan teknik didik hibur dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Kerajaan berhasrat memperkenalkan teknik didik hibur di sekolah rendah untuk merealisasikan hasrat transformasi pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Teknik didik hibur di dalam bilik darjah akan menjadikan proses pembelajaran lebih interaktif serta berpusatkan murid. Antara ciri didik hibur dalam pengajaran adalah sesi pembelajaran yang menyeronokkan kerana terkandung unsur humor. Berdasarkan Standard Jemaah Nazir ada menyatakan dalam Elemen 9.13, pengajaran dan pembelajaran yang menyentuh disposisi guru telah menyatakan kepentingan amalan pembelajaran menyeronokkan dalam kalangan guru sekolah. Seterusnya, elemen 9.13(a) (vi) tentang sumbangsih guru terhadap suasana pembelajaran yang kondusif, dan standard ini menggariskan bahawa guru perlu mewujudkan suasana riang dan merangsang pembelajaran (Jemaah Nazir Sekolah, 2004).

Oleh hal yang demikian, suasana ceria di dalam bilik darjah adalah merujuk kepada amalan pembelajaran menyeronokkan guru. Disposisi guru yang cenderung kepada sikap autokratik atau serius boleh menimbulkan konflik antara guru dengan murid. Tidak dapat dinafikan bahawa peranan guru amat penting sebagai individu yang menjadi pemangkin dalam proses murid mencari ilmu. Tanpa kehadiran guru, proses pembelajaran yang berlaku mungkin tidak efektif. Guru yang mampu mewujudkan proses pengajaran dan pembelajaran yang efektif merupakan guru yang cemerlang. Oleh itu, guru-guru perlu sedar akan kepentingan unsur pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran untuk mewujudkan hubungan baik dengan murid-murid mereka.

Namun begitu, kedapat juga guru-guru yang tidak pandai berjenaka dengan murid-murid. Walau bagaimanapun, keadaan ini dapat disalurkan melalui cara lain seperti penggunaan bahan bantu mengajar yang mempunyai unsur pembelajaran menyeronokkan seperti komik. Dalam hal ini, komik ciptaan kartunis tempatan iaitu Lat begitu jelas melalui ilustrasi dan lakaran

karikatur yang menarik. Secara langsung, kreativiti ini dapat membantu guru menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung dalam suasana yang menyeronokkan, ceria dan berkesan kepadapelajar (Abdul Rasid, 2012). Oleh itu, guru tidak hanya terikat dengan disposisi semula jadi, tetapi juga menggunakan bahan bantu mengajar yang lebih menarik.

## Pembelajaran Menyeronokkan

Dalam konteks pengajaran bahasa pula, unsur humor akan menjadikan hasil pembelajaran lebih bermakna kepada murid. Guru perlu menggunakan bahasa yang berupaya menzahirkan perasaan lucu, penggunaan grafik seperti kartun dan bahasa tubuh yang boleh menimbulkan suasana yang menyeronokkan kepada murid. Pandangan Yahya (2012), mengaitkan humor dengan kelucuan yang boleh menyebabkan seseorang menjadi seronok apabila mendengarnya. Pengajaran Bahasa Melayu tidak boleh hanya menekankan kepada penguasaan isi kandungan semata-mata. Namun, perlu diajar dalam suasana yang selesa dan menyeronokkan. Hasilnya, murid akan berasa tidak selesa apabila guru bahasa yang berupaya mengajarkan tatabahasa dengan baik, tetapi dalam keadaan yang membosankan. Menurut Shafee et al. (2011), amalan jenaka guru pelatih dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan.

Di samping itu, amalan jenaka guru juga boleh membantu murid untuk belajar dengan lebih berkesan. Selain itu, penggunaan unsur humor dalam pengajaran tidak bermakna menjadikan guru sebagai pelawak. Namun, perkara penting yang perlu dititikberatkan ialah kekerapan penggunaannya dalam pengajaran dan pembelajaran. Guru perlu kreatif sama ada menggunakan unsur humor secara terancang iaitu dilakukan secara spontan apabila mereka menyedari bahawa murid mereka kelihatan kurang berminat atau bosan dengan pengajaran mereka. Oleh itu, adalah wajar guru menggunakan unsur tersebut setiap kali pengajaran walaupun dalam waktu yang singkat sama ada pada permulaan pengajaran ataupun dalam langkah-langkah pengajaran yang seterusnya. Kesimpulannya, keberkesan pengajaran dapat dinilai melalui kepelbagaiannya

bahan dan teknik yang digunakan ketika mengajar. Oleh itu, unsur humor mampu menjadikan pengajaran dan pembelajaran bahasa lebih berkesan, ceria dan tidak membosankan murid-murid.

Selain itu, pembelajaran menyeronokkan juga berkait dengan penggunaan bahan bantu mengajar. Penggunaan bahan bantu mengajar yang menarik akan mewujudkan suasana pembelajaran yang menggembirakan. Hal ini disokong oleh Yahya dan Dayang Raini (2011), menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi min prestasi pemahaman bacaan antara murid-murid berpencapaian sederhana yang mengikuti pengajaran pemahaman bacaan menggunakan aplikasi komputer secara interaktif dengan murid-murid berpencapaian sederhana yang mengikuti pengajaran menggunakan kaedah tradisional dalam ujian pasca. Kesimpulannya, pembelajaran yang menyeronokkan perlu melibatkan kreativiti guru yang mampu memberi kesan terhadap pembelajaran di dalam bilik darjah.

## PENYATAAN MASALAH

Tingkah laku bermasalah seperti hiperaktif, kelakuan nakal serta mengganggu rakan ketika sesi pengajaran dan pembelajaran merupakan masalah disiplin yang sering menjadi isu dalam kalangan guru-guru di sekolah. Dalam era globalisasi kini, murid-murid mendapat pengaruh daripada pelbagai saluran sama ada siaran televisyen mahupun melayari Internet yang memungkinkan mereka memperoleh ilmu pengetahuan tanpa sempadan. Oleh itu, guru-guru di sekolah tidak lagi relevan untuk menggunakan set peraturan yang autokratik dan tegas dengan cara memaksa, mengherdik, meninggikan suara ataupun menggunakan bahasa yang kasar untuk mendisiplinkan murid. Sebaliknya, guru perlu mewujudkan hubungan yang lebih akrab dengan murid-murid. Salah satu caranya adalah melalui pendekatan pembelajaran menyeronokkan.

Unsur didik hibur yang diterapkan dalam Memartabatkan Bahasa Melayu Memperkuuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) adalah suatu langkah bijak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Unsur ini diperkenalkan kepada murid-murid sebagai kaedah alternatif semasa proses

pengajaran Bahasa Melayu. Tujuannya supaya sesi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu menjadi seronok untuk diikuti oleh murid-murid. Fokus pelaksanaan adalah kepada penguasaan kemahiran asas bahasa Melayu dalam kalangan murid melalui pendekatan didik hibur dan apresiasi bahasa. Antara contoh didik hibur ialah sesi pembelajaran yang menyeronokkan dengan unsur jenaka, estetik, permainan, muzik dan lakonan (Zailah 2012). Oleh itu, cara ini dapat mengurangkan tahap kebimbangan dan ketakutan kepada guru yang berkONSEPSEN santai dan berhibur. Justeru, menjadikan keadaan pembelajaran yang positif dan murid sentiasa tertunggu-tunggu untuk melalui sesi seterusnya. Di samping itu, sesi pembelajaran yang penuh dengan pelbagai aktiviti yang menarik dan kreativiti guru dalam menyampaikan pengajaran seperti aktiviti nyanyian dan lakonan serta main peranan yang berpusatkan kepada murid sepenuhnya (Deen Jack 2012). Hal ini akan membentuk iklim pembelajaran yang aktif.

Sehubungan itu, Abdul Ghani dan Abd.Rahman (2007, 2009) mencadangkan beberapa aspek kemanusiaan yang mempunyai peranan dalam membentuk tingkah laku mulia murid-murid perlu diberi perhatian. Sebagai contoh, guru perlu dilihat sebagai model tingkah laku yang berkesan kepada murid-murid. Guru perlu melengkapi diri mereka dari aspek kekemasan diri dan juga pemantapan peribadi bagi menjadi idola dan panduan kepada murid kerana pada dasarnya, guru mempunyai pengaruh yang cukup besar dalam perspektif hidup murid.

Dalam hubungan yang sama, unsur humor juga dapat memainkan peranannya sebagai pelengkap kepada keakraban dalam hubungan guru dengan murid dan juga antara murid dengan murid sendiri. Potensi penggunaan humor sebagai salah satu elemen yang dapat membantu guru membentuk tingkah laku murid yang selama ini cair dalam proses pengajaran dan pembelajaran perlu diserlahkan kembali.

Pembentukan emosi murid ketika di dalam bilik darjah menjadi tanggungjawab guru untuk membentuk tingkah laku mulia. Oleh itu, guru perlu bijak menanamkan kemahiran sosial agar murid dapat mengawal emosi dalam suasana pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah seperti kemahiran kesedaran kendiri, empati,

pemantauan diri dan dorongan diri bagi memujuk, berunding dan memimpin. Antara langkah yang harus digunakan oleh guru dalam usaha membentuk tingkah laku positif menerusi penjanaan kecerdasan emosi dalam kalangan murid melalui penerimaan murid tanpa syarat; mewujudkan perhubungan mesra; memahami muridnya dengan mendalam secara empati, membantu murid mencari alternatif dan guru sebagai agen perubahan dan model. Jelasnya, melalui penggunaan unsur pembelajaran menyeronokkan maka guru akan sentiasa disenangi oleh murid apabila mereka yakin bahawa guru mereka adalah insan mesra murid.

Menurut Shaffe et al. (2011), salah satu daripada keceriaan aspek emosi dapat diwujudkan melalui amalan pembelajaran menyeronokkan terhadap murid sama ada ketika sesi pembelajaran atau ketika berinteraksi dengan murid secara tidak formal. Amalan ini akan dapat mengurangkan batasan hubungan atau formaliti antara guru dengan murid. Natijahnya, murid akan lebih selesa, yakin diri dan berani berjumpa guru untuk berbincang dan berinteraksi. Amalan ini membolehkan isi pembelajaran mudah diingati kerana penerimaan ilmu adalah secara semula jadi dan bukannya secara paksaan. Amalan pembelajaran menyeronokkan berupaya membantu kelancaran interaksi guru-murid.

Justeru, pengkaji berpendapat bahawa kajian perlu dijalankan untuk mengetahui sama ada amalan pembelajaran menyeronokkan ini dijadikan budaya di sekolah-sekolah, terutamanya di lapan buah sekolah yang dijadikan subjek kajian. Sekolah-sekolah tersebut mempunyai kepadatan jumlah murid yang tinggi. Contohnya di SK Kota Masai, murid tahun 6 sahaja sudah mencapai jumlah 514 orang. Situasi ini menyebabkan guru-guru terikat dengan disiplin yang ketat dengan peraturan dan tatacara untuk memastikan kecemerlangan dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) terutamanya dalam Bahasa Melayu kerana mata pelajaran ini menyumbang dua daripada lima mata pelajaran yang diuji, iaitu pemahaman dan penulisan. Manakala murid-muridnya mungkin menghadapi pelbagai peraturan dan disiplin serta pendekatan pengajaran guru yang serius menyebabkan mental mereka tertekan. Hal ini disokong oleh Lee Lam Thye (2008), iaitu tekanan mental di sekolah adalah salah satu faktor kepada peningkatan

masalah mental dalam kalangan rakyat negara ini. Justeru, kajian perlu dijalankan untuk menangani isu tekanan mental di sekolah dan institusi pendidikan kita.

Selain itu, kajian tentang amalan pembelajaran menyeronokkan masih kurang jelas. Hal ini demikian kerana kebanyakan pengkaji lebih menumpukan kepada pengaruh amalan pembelajaran menyeronokkan terhadap kelompok guru tertentu dan impaknya terhadap pembelajaran murid, terutama penggunaan amalan pembelajaran menyeronokkan oleh guru sekolah rendah di kawasan berpenduduk padat dan bandar perindustrian yang sedang pesat membangun perlu dilakukan.

Sebagai kesimpulan, pembelajaran menyeronokkan amat perlu dilaksanakan dengan berkesan di sekolah-sekolah. Lebih-lebih lagi dalam Bahasa Melayu agar pembelajaran dan pengajaran lebih menarik minat murid. Langkah ini juga sebagai satu tindakan bagi mengelakkan gejala ponteng sekolah, sikap melawan guru dan meningkatkan minat murid untuk hadir ke sekolah. Perlu ditanamkan dalam mindamurid-muridbahawa ‘Sekolahku Syurgaku’.

## OBJEKTIF KAJIAN

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengenal pasti pelaksanaan amalan pembelajaran menyeronokkan dalam kalangan guru Bahasa Melayu dalam pembelajaran dan pengajaran Bahasa Melayu. Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti kesediaan guru Bahasa Melayu mengaplikasikan pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.
2. Mengenal pasti pelaksanaan pembelajaran menyeronokkan dalam pembelajaran dan pengajaran Bahasa Melayu.
3. Mengenal pasti sejauh mana kebolehan guru Bahasa Melayu melaksanakan pembelajaran menyeronokkan dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

## PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan objektif kajian yang dilaksanakan ini maka terdapat beberapa persoalan berikut:

1. Apakah sikap guru Bahasa Melayu bersikap positif terhadap pembelajaran menyeronokkan dalam pembelajaran dan pengajaran Bahasa Melayu?
2. Apakah medium yang guru gunakan untuk mewujudkan pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran Bahasa Melayu?
3. Pada peringkat penyampaian pengajaran yang manakah sesuai untuk guru mengaplikasikan pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran Bahasa Melayu?
4. Adakah pelaksanaan pembelajaran menyeronokkan dalam usaha meningkatkan prestasi dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu?

### **KEPENTINGAN KAJIAN**

Dalam Standard Kualiti Pendidikan Malaysia, (SKPM) elemen 9.13, pembelajaran dan pengajaran yang menyentuh disposisi guru telah menyatakan kepentingan amalan pembelajaran menyeronokkan dalam kalangan guru sekolah. Dasar yang diunjurkan oleh kementerian ini selari dengan Teori Kecerdasan Pelbagai oleh Howard Gardner (2000), yang telah menghuraikan sehingga lapan kecenderungan potensi seseorang untuk belajar. Lazimnya, setiap individu akan mempunyai sekurang-kurangnya satu atau dua kecerdasan yang lebih menonjol berbanding dengan kecerdasan lain. Semua kecerdasan boleh dikembangkan melalui pendidikan, pengalaman dan persekitaran. Kepelbagaiannya ini menuntut kreativiti guru untuk membantu murid belajar dengan cara dan gaya yang sesuai serta memenuhi minat dan kemampuan murid (Salhah 2009; Roselan 2003).

Sehubungan itu, kajian ini dilakukan kerana beberapa kepentingan. Antaranya, hasil kajian ini dapat menjelaskan tentang sikap guru Bahasa Melayu terhadap pelaksanaan pembelajaran menyeronokkan untuk meningkatkan prestasi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana melalui pembelajaran menyeronokkan yang berpusatkan murid dapat memenuhi kepelbagaiannya kecerdasan murid. Sekiranya guru mengamalkan kaedah pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran maka aspirasi Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) tersebut sesuai untuk semua

situasi. Namun, jika sebaliknya maka pihak-pihak tertentu terutamanya di Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan KPM perlu mengambil langkah-langkah tertentu untuk membantu guru-guru.

Selain itu, hasil kajian ini akan dapat menjelaskan jenis-jenis medium yang sering digunakan oleh guru untuk melaksanakan pembelajaran menyeronokkan. Dengan demikian, kajian ini akan dapat membantu guru-guru dalam merancang penggunaan bahan bantu mengajar dalam pembelajaran Bahasa Melayu dengan lebih baik dan berkesan untuk melaksanakan pembelajaran menyeronokkan. Selain itu, kajian ini juga diharapkan dapat menjadi bahan rujukan kepada para pengkaji yang berminat dengan amalan pembelajaran menyeronokkan dalam pembelajaran dan pengajaran Bahasa Melayu di sekolah-sekolah rendah.

Justeru, hasil daripada kajian ini akan berupaya membantu pelbagai pihak dalam menangani permasalahan dan isu murid kurang minat terhadap Bahasa Melayu. Pada masa yang sama, mampu meningkatkan prestasi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Secara keseluruhannya, tindak susul ini penting untuk mewujudkan persekitaran dan iklim sekolah yang selesa dan kondusif terhadap kesihatan emosi dan mental guru-guru dan murid-murid bagi mengelakkan timbulnya tekanan dan saling prejudis antara guru dengan murid dan mungkin dengan ibu bapa murid. Oleh itu, kolaborasi antara pihak sekolah dengan ibu bapa murid perlu diwujudkan.

### **METODOLOGI**

#### **Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini berbentuk deskriptif. Menurut Mohd Majid (2009), kajian deskriptif adalah kajian yang menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku. Jenis kajian deskriptif yang digunakan dalam kajian ini adalah jenis kajian tinjauan. Mohd Majid (2009), menyatakan bahawa tinjauan sampel adalah tinjauan yang dilakukan terhadap sebahagian populasi yang dikaji melalui sampel rawak bagi mewakili populasi. Selain itu, Mokhtar (2011) menyatakan bahawa dalam konteks membuat kajian deskriptif

amat sesuai dijalankan untuk mengetahui respons orang ramai terhadap baik buruknya sesuatu cadangan. Soal selidik dibina untuk mengetahui reaksi orang ramai. Oleh itu, kajiandeskriptif boleh digunakan untuk menerangkan status masa kini tentang sesuatu fenomena.

Lanjutan daripada huraian yang telah dinyatakan, maka pengkaji telah menyediakan soal selidik berskala Likert untuk guru bagi memperoleh maklumat tentang penggunaan amalan pembelajaran menyeronokkan guru Bahasa Melayu sekolah rendah Zon Pasir Putih, Pasir Gudang, Johor. Hal ini demikian kerana soal selidik amat ekonomi disebabkan berupaya mengumpul data sekali gus dengan pensampelan yang tepat dapat mewakili populasi yang sebenar. Penggunaan instrumen dan soal selidik yang sama untuk semua peserta dapat menyeragamkan data yang dikumpul, boleh digunakan untuk menolak atau menyokong hipotesis dan berupaya membentuk generalisasi dengan menganalisis dan menginterpretasi pola respons daripada responden.

Dengan menggunakan kaedah kajian tinjauan sampel melalui borang soal selidik yang diedarkan secara berkelompok kelapan-lapan buah sekolah rendah dalam lingkungan kawasan kajian. Kaedah kajian ini bagi mengutip pandangan guru tentang penggunaan amalan pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu di dalam bilik darjah.

## **Persempelan**

Kajian ini menggunakan kaedah persampelan rawak berkelompok (*cluster sampling*) kerana amat sesuai digunakan dalam pemilihan responden yang mempunyai populasi guru yang terlalu besar di kawasan kajian seperti di Pasir Gudang, Johor. Mohd Majid (2009) menyatakan bahawa pensampelan kelompok adalah proses mengambil atau menggunakan sampel. Oleh itu, pengkaji boleh menggunakan kelompok dengan menentukan bilangan kelompok seperti mengikut negeri, daerah atau mukim di mana guru-guru mengajar. Lebih-lebih lagi, penggunaan persampelan kelompok mengurangkan kesukaran menentukan rangka pensampelan dan seterusnya mengurangkan perbelanjaan, masa dan tenaga bagi menjalankan kajian.

Dalam konteks kajian ini, populasi responden yang dikaji ialah guru-guru Bahasa Melayu daripada lapan buah sekolah rendah di Zon Pasir Putih, Pasir Gudang, Johor. Berdasarkan data bilangan guru yang diperoleh daripada Pejabat Pelajaran Pasir Gudang, jumlah guru Bahasa Melayu di lapan buah sekolah tersebut ialah 120 orang. Namun begitu, pengkaji akan cuba mendapatkan sekurang-kurangnya 92 orang guru iaitu secara purata seramai 12 orang guru Bahasa Melayu daripada setiap sekolah.

## **Instrumen Kajian**

Instrumen kajian terdiridaripada soal selidik untuk guru. Soal selidik merupakan alat ukur yang digunakan dalam kajian pendidikan. Soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya. Soal selidik lebih praktikal dan berkesan digunakan untuk populasi yang besar. Keupayaan soal selidik menggunakan sampel yang banyak akan meningkatkan ketepatan anggaran statistik sampel untuk menganggar parameter populasi (Mohd Majid 2009).

Soal selidik yang digunakan terbahagi kepada empat bahagian. Bahagian A: Latar belakang responden berkenaan jantina, umur, pengalaman mengajar, pengalaman mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu, kelulusan dan opsyen. Bahagian B: Kesediaan guru untuk mengaplikasikan pembelajaran menyeronokkan dalam pembelajaran dan pengajaran Bahasa Melayu yang berkaitan dengan disposisi guru. Bahagian C: Pelaksanaan pembelajaran menyeronokkan dalam pembelajaran Bahasa Melayu berkaitan dengan medium yang digunakan oleh guru serta jangka waktu pelaksanaan. Bahagian D: Persepsi guru Bahasa Melayu terhadap kebolehgunaan dan kesesuaian pembelajaran menyeronokkan dalam Bahasa Melayu yang menyentuh tentang masalah yang dihadapi serta kebolehgunaan pembelajaran.

## **Prosedur Kajian**

Pengumpulan data dibuat setelah mendapat kebenaran daripada pihak pentadbir di setiap sekolah. Selain daripada data yang diperoleh daripada Pejabat Pendidikan Daerah Pasir

Gudang, Johor, pengkaji juga memperoleh data guru-guru Bahasa Melayu daripada Ketua Panitia. Seterusnya, soal selidik diedarkan melalui perantaraan Ketua Panitia Bahasa Melayu.

### **Analisis Data dan Statistik**

Data yang diperoleh kelak akan dianalisis menggunakan aplikasi perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) 18.0. Analisis ini hanya melibatkan statistik deskriptif. Statistik deskriptif memberi ringkasan daripada keseluruhan set data yang diambil. Statistik ini digunakan untuk menganalisis profil responden dan analisis soal selidik tentang pembelajaran menyeronokkan dalam pembelajaran dan pengajaran Bahasa Melayu. Min, sisihan piawai akan digunakan untuk mengukur tahap kesediaan guru mengaplikasikan pembelajaran menyeronokkan dalam Bahasa Melayu. Tahap kesediaan dan keyakinan guru dalam mengaplikasikan pembelajaran menyeronokkan didasarkan pendapat Zamri dan Mohamed Amin (2008), iaitu tahap iaitu rendah, sederhana dan tinggi berdasarkan skor min item. Kaedah ini digunakan memudahkan pengkaji menilai pemberatan bagi setiap aspek yang diukur atau membandingkannya dengan data yang lain.

### **DAPATAN KAJIAN**

#### **Demografi Responden**

Responden terdiri daripada 92 orang guru yang mengajar Bahasa Melayu daripada 8 buah sekolah di Zon Pasir Puteh, Pasir Gudang, Johor. Lima buah sekolah iaitu SK Kota Masai, SK Kota Masai 2, SK Taman Cendana, SK Kopok dan SK Cahaya Baru merupakan sekolah yang jumlah respondennya lebih ramai berbanding SK Pasir Gudang 4, SK Pasir Gudang 1 dan SK Taman Bukit Dahlia. Daripada segi jantina, terdapat 24 orang guru lelaki dan 68 orang guru perempuan. Manakala dari segi kelulusan, kebanyakannya guru memiliki Ijazah Pertama, iaitu 59 peratus diikuti dengan Diploma Pendidikan sebanyak 32 peratus dan 9 peratus berkelulusan Ijazah Sarjana. Selain itu, pengkaji mendapati 29 peratus daripada responden bukan guru opsyen Bahasa Melayu. Keadaan ini menunjukkan

hampir setiap sekolah masih berlaku kekurangan guru opsyen Bahasa Melayu hingga memerlukan tenaga guru dari opsyen lain seperti guru Pendidikan Muzik, guru Pendidikan Jasmani, guru Kemahiran Hidup dan guru Pendidikan Seni dan guru Kajian Sosial.

Dari segi pengalaman mengajar pula, 40 peratus responden mempunyai lebih daripada 10 tahun manakala pengalaman mengajar selama 10 tahun atau kurang ialah 60 peratus. Namun begitu, terdapat bilangan guru novis yang baru mengajar antara 1 – 5 tahun yang lebih ramai iaitu 35 peratus berbanding guru yang mempunyai pengalaman mengajar antara 6 – 10 tahun. Lazimnya, guru yang baru mengajar mempunyai pengetahuan tentang multimedia yang lebih mahir berbanding dengan guru-guru lama yang lazim menggunakan teknik pengajaran konvensional. Kenyataan ini diperoleh daripada temu bual secara tidak langsung dengan guru-guru baharu dan guru-guru yang telah lama mengajar.

#### **Kesediaan Guru Mengaplikasikan Pembelajaran Menyeronokkan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu**

Berdasarkan Jadual 1, secara keseluruhan menunjukkan min berada pada tahap tinggi, iaitu min 3.17 ( $SP = 0.40$ ). Sisihan piawinya menunjukkan taburan data yang kecil, menunjukkan sebahagian besar daripada responden amat yakin dengan kebolehgunaan dan kesesuaian pembelajaran menyeronokkan ini. Data ini menunjukkan guru bersikap positif terhadap pembelajaran menyeronokkan. Analisis dapatan kajian menunjukkan 7 item berada pada tahap tinggi iaitu melebihi skor min 3.00 dengan 3 item berada pada min melebihi 3.50 manakala hanya satu item sahaja berada pada tahap rendah, iaitu min 1.45. Namun begitu, terdapat item soalan negatif yang menyatakan guru tidak memerlukan kursus tertentu untuk mengaplikasikan pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran Bahasa Melayu yang membuktikan responden amat berminat untuk menambah ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam kaedah dan teknik pengajaran yang mampu mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan dalam kalangan murid mereka ketika di dalam bilik darjah.

Majoriti guru berfikiran positif, iaitu mahu meningkatkan kemahiran pedagogi dengan mengikuti kursus-kursus peningkatan profesionalisme berkaitan pembelajaran menyeronokkan min 3.65, (SP= 0.48). Keadaan ini terbukti melalui sisihan piawai yang menunjukkan kecenderungan responden bersetuju dengan pernyataan yang diutarakan. Malahan, mereka menunjukkan anjakan pemikiran ke arah yang lebih positif apabila cuba lari daripada dasar pendidikan konvensional yang berorientasikan peperiksaan kepada dasar pendidikan yang lebih demokratik dengan memberi peluang kepada murid untuk meneroka ilmu secara mendalam melalui pembelajaran yang lebih menyeronokkan.

Seterusnya, responden menunjukkan minat pada tahap yang amat tinggi, iaitu min 3.55, (SP= 0.55) untuk mempelajari teknik-teknik menghasilkan bahan bantu mengajar yang menarik untuk pembelajaran menyeronokkan. Ini menunjukkan mereka begitu menitikberatkan keberkesan pengajaran berkaitan pembelajaran menyeronokkan. Hal ini demikian kerana setiap kursus peningkatan profesionalisme perlu disertai dengan bengkel-bengkel penghasilan bahan bantu mengajar. Tambahan pula, pembelajaran menyeronokkan amat memerlukan bahan bantu mengajar yang efektif bagi memastikan kelancaran dan keberkesan pengajaran guru untuk menarik tumpuan murid. Tanpa bahan bantu mengajar yang menarik, mustahil pembelajaran menyeronokkan dapat diaplikasikan di dalam bilik darjah.

Seterusnya, guru memberi pengakuan bahawa mereka tidak akan mendominasi proses pembelajaran di dalam bilik darjah, sebaliknya mementingkan interaksi antara murid, guru dengan rakan sekelas. Ini membantu percambahan idea serta minda yang kreatif dan inovatif memperoleh min 3.38, (SP = 0.51). Bagi penggunaan media elektronik seperti kemudahan komputer untuk menyediakan bahan pembelajaran yang menyeronokkan. Contohnya, CD interaktif, video dan sebagainya juga pada tahap tinggi iaitu min 3.30, (SP= 0.58). Di samping itu, disposisi guru juga berada pada tahap tinggi iaitu melebihi min 3.21, (SP = 0.59) dan 3.19 (SP= 0.58). Majoriti guru mengakui bahawa mereka mampu (secara purata) menggunakan jenaka semasa mengajar di dalam bilik darjah (contohnya, gurauan, sinis, ekspresi muka yang lucu, cerita yang lucu).

Akhir sekali, terbukti guru-guru mempunyai sikap yang positif terhadap penggunaan pembelajaran menyeronokkan apabila menidakkan kenyataan bahawa mereka tidak memerlukan kursus tertentu untuk mengaplikasikan pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran Bahasa Melayu. Dapatkan kajian menunjukkan min 1.49, (SP = 0.63). Secara keseluruhannya, guru Bahasa Melayu sememangnya bersikap positif terhadap pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Malah mereka menunjukkan kesediaan untuk mengubah strategi dan gaya pengajaran konvensional

JADUAL 1: Kesediaan guru Bahasa Melayu mengaplikasikan pembelajaran menyeronokkan

Bil	Kenyataan	Min	Sisihan Piawai
1	Saya mahu meningkatkan kemahiran pedagogi dengan mengikuti kursus-kursus peningkatan profesionalisme berkaitan pembelajaran menyeronokkan	3.65	0.48
2	Saya perlu memberi peluang kepada murid untuk meneroka ilmu secara mendalam melalui pembelajaran yang lebih menyeronokkan dan tidak hanya berorientasikan peperiksaan semata-mata	3.64	0.484
3	Saya amat berminat mempelajari teknik-teknik menghasilkan bahan bantu mengajar yang menarik untuk pembelajaran menyeronokkan	3.55	0.55
4	Saya tidak akan mendominasi proses pembelajaran di dalam bilik darjah sebaliknya mementingkan interaksi antara murid, guru dengan rakan sekelas yang membantu percambahan idea serta minda yang kreatif dan inovatif	3.38	0.51
5	Saya suka menggunakan media elektronik seperti komputer untuk menyediakan bahan pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan. Contohnya, cakera padat interaktif, video dan sebagainya	3.30	0.58
6	Saya mampu (secara purata) menggunakan jenaka semasa mengajar di dalam bilik darjah. Contoh, gurauan, sinis, ekspresi muka yang lucu, cerita lucu dan sebagainya	3.21	0.59
7	Saya boleh menyanyi dan melakukan gerakan ketika sesi pembelajaran untuk menimbulkan suasana yang menyeronokkan kepada murid	3.19	0.58
8	Saya tidak memerlukan kursus tertentu untuk mengaplikasikan pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran	1.45	0.63
<b>Keseluruhan</b>		<b>3.17</b>	<b>0.40</b>

### Pelaksanaan Pembelajaran Menyeronokkan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu

Dapatan kajian berkaitan penggunaan bahasa yang kreatif dan lucu, teknik pembelajaran berpusatkan murid dan disposisi guru yang suka menggunakan unsur jenaka murid semasa mengajar di dalam bilik darjah bagi menimbulkan suasana gembira untuk mengurangkan tekanan dikategorikan dalam min tahap tinggi iaitu antara 3.16 hingga 3.06. Hasil daripada analisis yang berkaitan didapati pernyataan guru menggunakan bahasa yang kreatif dan lucu memperoleh min tertinggi iaitu 3.16, ( $SP=0.46$ ). Min kedua tertinggi iaitu 3.10, ( $SP=0.47$ ), iaitu penggunaan teknik pembelajaran berpusatkan murid seperti lakonan, main peranan dan nyanyian. Seterusnya, disposisi guru yang gemar mengusik murid semasa mengajar di dalam bilik darjah memperoleh min 3.08, ( $SP=0.84$ ) dan akhir sekali teknik belajar sambil bermain memperoleh min 3.06 ( $SP=0.56$ ).

Manakala bagi penggunaan atau penghasilan bahan bantu mengajar yang berkualiti dan

menarik berbantuan komputer atau media cetak berada pada tahap sederhana iaitu min bawah 3.00. Min sederhana yang tertinggi diperoleh iaitu penggunaan perisian multimedia atau cakera padat interaktif yang mengandungi tutorial, latih tubi atau permainan bahasa iaitu 2.81, ( $SP=0.64$ ). Diikuti dengan min 2.75, ( $SP=0.65$ ) iaitu penggunaan bahan media yang lucu semasa mengajar seperti penggunaan kartun atau komik. Min sederhana yang terendah diperoleh iaitu penggunaan alat pandang dengar seperti tayangan filem komedi yang sesuai dengan isi pelajaran iaitu 2.68 ( $SP=0.65$ ).

Jika diteliti, keempat-empat medium yang mempunyai min pada tahap tinggi ialah medium yang berkaitan dengan disposisi guru, kebolehan semula jadi dan kemampuan guru mewujudkan kawalan bilik darjah yang baik. Rumusannya, kemampuan responden menggunakan bahasa yang kreatif dan lucu untuk menerangkan isi kandungan, mengusik murid untuk menimbulkan keseronokan dan kebolehan guru mengawal bilik darjah dalam teknik pembelajaran berpusatkan murid.

**JADUAL 2: Pelaksanaan pembelajaran menyeronokkan**

<b>Bil</b>	<b>Kenyataan</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>
Saya menggunakan....			
1	Bahasa yang kreatif dan lucu untuk menerangkan isi kandungan	3.16	0.46
2	Teknik pembelajaran berpusatkan murid seperti lakonan, main peranan dan nyanyian Unsur jenaka semasa mengajar di dalam bilik darjah bagi menimbulkan suasana gembira untuk mengurangkan tekanan. (Contoh: menggunakan kesalahan yang dilakukan oleh murid sebagai bahan jenaka di dalam bilik darjah)	3.10	0.47
3		3.08	0.84
4	Teknik pembelajaran berpusatkan murid seperti belajar sambil bermain	3.06	0.56
5	Perisian multimedia atau CD interaktif yang mengandungi tutorial, latih-tubi, atau permainan bahasa	2.81	0.64
6	Bahan media yang lucu semasa mengajar. (Contoh: Penggunaan kartun atau komik)	2.75	0.65
7	Alat pandang dengar seperti tayangan filem komedi yang sesuai dengan isi pelajaran	2.68	.65
<b>Keseluruhan</b>		<b>2.75</b>	<b>0.65</b>

**Sesi Pengajaran dan Pembelajaran yang sesuai untuk Guru Mengaplikasikan Pembelajaran Menyeronokkan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu**

Berkaitan dengan sesi pembelajaran dan pengajaran yang sesuai untuk guru mengaplikasikan pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Dapatan menunjukkan min tertinggi iaitu 3.33, ( $SP= 0.76$ ) diperoleh dalam pelaksanaan pembelajaran menyeronokkan pada sepanjang adalah untuk mengukuhkan konsep atau kemahiran yang hendak diajar. Demikian juga tentang pelaksanaan pembelajaran menyeronokkan di sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran untuk mengawal tingkah laku murid iaitu berada pada min tahap tinggi, iaitu 3.31 ( $SP= 0.80$ ). Walaupun kedua-dua dapatan

berada pada tahap min tinggi namun sisihan piawai yang diperoleh agak besar kerana menghampiri nilai 1. Hal ini menunjukkan wujudnya pertentangan pendapat dalam kalangan responden tentang kesesuaian dan kebolehgunaan pembelajaran menyeronokkan pada sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran untuk mengukuhkan konsep atau kemahiran yang hendak diajar di samping mengawal tingkah laku murid. Manakala tentang pembelajaran menyeronokkan yang tidak sesuai dilaksanakan ketika penutup sesi pengajaran terutamanya untuk mengukuhkan konsep atau kemahiran yang baru dipelajari berada pada min 1.93 ( $SP= 0.81$ ). Begitu juga halnya dengan pembelajaran menyeronokkan hanya perlu dilaksanakan ketika induksi set sahaja untuk menarik perhatian dan kesediaan belajar murid berada pada min rendah, iaitu 1.72, ( $SP= 0.75$ ).

**JADUAL 3: Sesi mengaplikasikan pembelajaran menyeronokkan**

Bil	Kenyataan	Min	Sisihan Piawai
Pembelajaran menyeronokkan...			
1	Perlu dilaksanakan sepanjang P&P untuk mengukuhkan konsep atau kemahiran yang hendak diajar.	3.33	0.76
2	Perlu dilaksanakan sepanjang P&P untuk mengawal tingkah laku murid.	3.31	0.80
3	Tidak sesuai dilaksanakan ketika penutup pengajaran dan pembelajaran terutamanya untuk mengukuhkan konsep atau kemahiran yang baru dipelajari.	1.93	0.81
4	Hanya perlu dilaksanakan ketika induksi set sahaja untuk menarik perhatian dan kesediaan belajar murid.	1.72	0.75
<b>Keseluruhan</b>		<b>2.57</b>	<b>0.78</b>

**Kebolehan Guru Bahasa Melayu Melaksana Pembelajaran Menyeronokkan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu**

Dapatantentangkebolehgunaandankesesuaianoleh guru Bahasa Melayu ketika melaksanakan pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran Bahasa Melayu menunjukkan min pada tahap tinggi iaitu 3.04 (SP= 0.63) adalah berkaitan dengan kenyataan bahawa mereka boleh melaksanakan pembelajaran menyeronokkan bersendirian ketika sesi pembelajaran dan pengajaran di dalam bilik darjah. Keadaan ini berbeza apabila dibandingkan dengan keperluan mewujudkan jawatan pembantu pengurusan murid untuk melaksanakan pembelajaran menyeronokkan ketika sesi pengajaran Bahasa

Melayu di dalam bilik darjah berada pada tahap sederhana iaitu min 2.49 (SP= 0.89). Natijahnya, majoriti responden memilih untuk tidak mempunyai pembantu pengurusan murid untuk melaksanakan pembelajaran menyeronokkan. Namun secara keseluruhannya, guru-guru tidak mempunyai masalah sama ada melaksanakan secara bersendirian mahupun dengan bantuan pembantu pengurusan murid. Berkaitan tentang kemahiran untuk menghasilkan bahan bantu mengajar berbantukan komputer , kebolehan sampel berada pada tahap sederhana dengan min 2.93 (SP= 0.63). Begitu juga tentang pelbagai koleksi bahan grafik yang menarik bersesuaian untuk digunakan dalam pembelajaran dan pengajaran Bahasa Melayu. Contohnya, gambar kartun, keratan akhbar dan brosur juga berada pada tahap sederhana iaitu 2.84 (SP =0.66).

JADUAL 4: Kebolehan guru melaksanakan pembelajaran menyeronokkan

Bil	Kenyataan	Min	Sisihan Piawai
1	Saya boleh melaksanakan pembelajaran menyeronokkan bersendirian ketika pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.	3.04	0.63
2	Saya mempunyai kemahiran untuk menghasilkan bahan bantu mengajar berbantukan komputer.	2.93	0.63
3	Saya mempunyai pelbagai koleksi bahan grafik yang menarik bersesuaian dengan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. (Contoh: gambar kartun, keratan akhbar dan sebagainya).	2.84	0.66
4	Kemudahan dan prasarana di sekolah saya membolehkan pembelajaran menyeronokkan dilaksanakan dengan berkesan.	2.74	0.78
5	Saya memerlukan pembantu pengurusan murid untuk melaksanakan pembelajaran menyeronokkan ketika pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.	2.49	0.89
<b>Keseluruhan</b>		<b>2.08</b>	<b>0.71</b>

### **Pelaksanaan Pembelajaran Menyeronokkan Dalam UsahaMeningkatkan Prestasi dalam Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa Melayu**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa persepsi guru terhadap pelaksanaan pembelajaran menyeronokkan untuk meningkatkan prestasi pengajaran Bahasa Melayu berada pada tahap tinggi, iaitu min keseluruhan 3.23 (SP= 0.61). Min tertinggi iaitu 3.50 (SP= 0.50 diperoleh, iaitu persepsi tentang pembelajaran berasaskan komputer amat menyeronokkan kerana dapat menerima dan menyampaikan maklumat seperti gambar dan bunyi. Selain itu, berkaitan dengan pengajaran berbantu komputer berada pada tahap tinggi dengan min 3.13 (SP= 0.75).

Bagi penggunaan unsur humor atau jenaka, bahawa kekerapan penggunaan jenaka yang ideal semasa di dalam bilik darjah dapat meningkatkan persekitaran pembelajaran yang selesa dan mengurangkan tekanan kepada murid berada pada min 3.31 (SP= 0.61). Begitu juga halnya dengan unsur humor atau jenaka yang diadaptasi daripada komik atau kartun berada pada tahap tinggi, iaitu min 3.04 (SP = 0.63). Kesimpulannya, pembelajaran berpusatkan murid berada pada tahap tinggi. Teknik lakonan, main peranan dan nyanyian yang mencatat min 3.26 (SP= 0.61). Kemudian, diikuti rapat teknik belajar sambil bermain pada min 3.26 (SP = 0.57).

**JADUAL 5:** Pembelajaran menyeronokkan dalam pembelajaran Bahasa Melayu

Bil	Kenyataan	Min	Sisihan Piawai
1	Pembelajaran berasaskan komputer merupakan salah satu pendekatan yang amat menyeronokkan kerana dapat menerima dan menyampaikan maklumat seperti gambar dan bunyi.	3.50	0.50
2	Kekerapan penggunaan jenaka yang ideal semasa di dalam bilik darjah dapat meningkatkan persekitaran pembelajaran yang selesa dan mengurangkan tekanan kepada murid.	3.31	0.61
3	Pembelajaran menyeronokkan berpusatkan murid dapat menyampaikan isi pelajaran dengan lebih baik. (Cth: belajar sambil bermain).	3.26	0.61
4	Pembelajaran menyeronokkan berpusatkan murid dapat meningkatkan kawalan bilik darjah dengan lebih baik. (Cth: lakonan, main peranan dan nyanyian).	3.14	0.57
5	Pengajaran berbantu komputer tidak dapat menggantikan kaedah pengajaran konvensional tetapi berupaya menyokong serta membantu pengajaran kaedah biasa menjadi lebih menyeronokkan.	3.13	0.75
6	Penggunaan kartun dalam pengajaran penulisan tidak memberi masalah malah dapat menarik perhatian murid.	3.04	0.63
<b>Keseluruhan</b>		<b>3.23</b>	<b>0.61</b>

### **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, dalam aspek kesediaan guru mengaplikasikan pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran Bahasa Melayu didapati kesediaan guru untuk mengaplikasikan pembelajaran menyeronokkan adalah berada pada tahap tinggi. Di samping itu, mereka amat memerlukan kursus tertentu untuk menambah ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam kaedah dan teknik pengajaran yang mampu mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan dalam kalangan murid.

Sehubungan itu, kesedaran yang tinggi dalam meningkatkan kemahiran pedagogi dengan mengikuti kursus-kursus peningkatan profesionalisme berkaitan pembelajaran menyeronokkan membantu guru mengaplikasikan pengajaran berpusatkan murid. Interaksi antara murid, guru dengan rakan sekelas membantu percambahan idea yang kreatif dan inovatif. Dapatan menunjukkan bahawa guru berminat terhadap penggunaan media elektronik seperti kemudahan komputer untuk bahan pembelajaran yang menyeronokkan. Contohnya, CD interaktif, video pada tahap tinggi. Majoriti guru mengakui

bahawa mereka mampu menggunakan jenaka semasa mengajar di dalam bilik darjah.

Namun begitu, medium yang berkaitan dengan penggunaan dan penghasilan bahan bantu mengajar berbantu komputer atau multimedia berada pada tahap sederhana. Dapatkan ini menjelaskan bahawa kemungkinan kebanyakan guru kurang berpengetahuan tentang teknologi maklumat dan komunikasi yang memungkinkan mereka menggunakan medium tersebut untuk menghasilkan bahan bantu mengajar. Menurut NurAisyah et al. (2012), bahan bantu mengajar khususnya penggunaan komputer adalah elemen yang penting untuk mewujudkan pembelajaran menyeronokkan dengan lebih efektif di dalam bilik darjah seiring dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi.

Pelaksanaan pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran Bahasa Melayu didapati penggunaan bahasa yang kreatif dan lucu dalam menerangkan isi kandungan dapat menarik perhatian murid semasa mengajar di dalam bilik darjah. Hal ini untuk menimbulkan suasana pembelajaran yang ceria dan merupakan cara yang paling diminati oleh guru-guru. Di samping itu, kebanyakan guru mempunyai kebolehan semula jadi dan kemampuan guru mewujudkan kawalan bilik darjah yang baik dalam melaksanakan pembelajaran berpusatkan murid seperti lakonan, main peranan, nyanyian dan belajar sambil bermain. Guru Bahasa Melayu juga bersetuju bahawa pelaksanaan pembelajaran menyeronokkan pada sepanjang sesi pembelajaran dan pengajaran merangkumi induksi set, pelaksanaan aktiviti dan sesi penutup untuk mengukuhkan konsep atau kemahiran yang hendak diajar dan mengawal tingkah laku murid.

Sehubungan itu, aspek kebolehan guru melaksanakan pembelajaran menyeronokkan, jelas menunjukkan bahawa guru berkeyakinan tinggi untuk melaksanakan pembelajaran menyeronokkan secara bersendirian tanpa mewujudkan jawatan pembantu pengurusan murid. Majoriti guru Bahasa Melayu mempunyai keyakinan yang tinggi bahawa pelaksanaan pembelajaran menyeronokkan mampu meningkatkan prestasi dalam pengajaran Bahasa Melayu di dalam bilik darjah. Dalam tiga medium, iaitu pembelajaran berbantuan komputer, unsur humor atau jenaka dan pendekatan pembelajaran berpusatkan murid

seperti teknik lakonan, main peranan, nyanyian dan belajar sambil bermain.

## CADANGAN

Impak amalan pembelajaran menyeronokkan dalam Bahasa Melayu yang lebih ketara adalah kepada aspek perspektif dan aplikasi pengetahuan responden tentang kaedah mahupun teknik yang efektif sehingga mampu meningkatkan prestasi pengajaran mereka. Guru-guru sedar jika mereka dapat mengamalkan pembelajaran menyeronokkan maka murid-murid akan lebih bermotivasi mengikuti pengajaran mereka.

Namun begitu, kelemahan yang nyata adalah dari segi penyediaan bahan bantu mengajar berdasarkan teknologi dan kemahiran menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi yang masih pada tahap sederhana. Oleh itu, pengkaji mengutarakan beberapa cadangan untuk memperbaiki keadaan ini. Antaranya memperbanyak kursus dan bengkel penyediaan bahan bantu mengajar berbantuan komputer. Kursus-kursus ini perlu dijalankan dalam kelompok kecil mengikut zon agar semua guru dapat dibimbing dengan lebih berkesan.

Oleh hal yang demikian, Pusat Kegiatan Guru (PKG) memainkan peranan untuk melaksanakan kursus peningkatan professional secara bersiri. Pusat Kegiatan Guru (PKG) yang berkesan berupaya menawarkan kemudahan berinteraksi, pengayaan melalui kursus-kursus, bengkel, perbincangan tidak formal dan menyediakan kelengkapan yang diperlukan bagi guru-guru untuk menghasilkan bahan bantu mengajar. Tambahan pula, bahan rujukan yang terdapat di PKG sangatlah berharga sebab bahan tersebut dapat membantu para guru mendapat maklumat dan meluaskan pengetahuan mereka di samping membantu mewujudkan minat baharu dalam kalangan guru Bahasa Melayu terhadap amalan pembelajaran menyeronokkan. Guru juga perlu kreatif dan inovatif dalam proses pengajaran untuk menjadikan pengajaran lebih menarik dan berkesan. Dari semasa ke semasa, guru mesti mengemas kini pengetahuan mereka dengan perkembangan terkini.

Di samping itu juga, program latihan dalam perkhidmatan untuk menjemput guru-guru pakar sama ada pakar dalam teknologi maklumat ataupun pakar dalam pengajaran dan pembelajaran

bahasa dari seluruh negara untuk berkongsi pengalaman khususnya tentang budaya kerja dan meningkatkan pemahaman tentang pembelajaran menyeronokkan. Aktiviti ini dalam usaha mempelbagaikan cara pengisian modul pembelajaran menyeronokkan agar maklumat yang hendak disampaikan oleh KPM dapat memberi impak yang berkesan.

Akhirnya, unsur-unsur didik hibur didatangkan dalam bentuk modul yang lengkap dan aktiviti-aktiviti yang disusun rapi sebagai panduan kepada guru tentang konsep didik hibur. Guru juga perlu diberi pendedahan, pengalaman, kefahaman dan pengetahuan yang lebih luas tentang amalan pembelajaran menyeronokkan. Misalnya, memberi kursus-kursus mahupun bengkel-bengkel jangka pendek secara berkala untuk memastikan guru-guru Bahasa Melayu sentiasa dibekalkan dengan pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan dengan kemajuan dalam teknologi pendidikan terkini.

## RUJUKAN

- Abdul Ghani Abdullah, Abd. Rahman Abd.Aziz & Abdul Rashid Mohamed. (2007). *Humor dalam pengajaran*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdul Ghani Abdullah & Abd.Rahman Abd. Aziz. (2009). *Mengurus tingkah laku pelajar*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman & Humaizah Hashim.(2012). Persepsi guru terhadap penggunaan kartun dalam transformasi pengajaran penulisan karangan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2 (1): 129-140.
- AwangSariyan. (2004). *Teras pendidikan Bahasa Melayu*. Bentong: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Gardner, H. (2010). *Multiple intelligences: The theory in practice*. Boston: Basic Books.
- Jack. D. (2012). *Didik hibur*. Dilayari pada 15 September 2012 dari laman web<http://www.slideshare.net/DeenJack/didik-hibur#btnNext>
- Jemaah Nazir Sekolah. (2004). *Standard Kualiti Pendidikan Malaysia. Pernyataan Standard SKPM 1 - Edisi Disember 2004*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2011). *Kurikulum standard sekolah rendah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Lee Lam Thye.(2008). Kesihatan mental perlukan perhatian. *Berita Harian*.28 Oktober.
- Mohd. Majid Konting. (2009). *Penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Mokhtar Ismail. (2011). *Kaedah penyelidikan kuantitatif dalam pendidikan*.Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Nur Aisyah Mohamad Noor, Zamri Mohamod, Afendi Hamat & Mohamed Amin Embi. (2012). Persepsi pelajar terhadap aplikasi perisian multimedia dalam pembelajaran Komsas Bahasa Melayu tingkatan 1. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2 (1): 1-16.
- Roselan Baki. (2003). *Kaedah pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Salhah Abdullah. (2009). *Kecerdasan pelbagai: Aplikasi dalam pengajaran dan pembelajaran*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Sdn. Bhd.
- Shaffe Mohd Daud, Ramli Basri, Roselan Baki, Sahandri Ghani Hamzah & Mokhtar Nawawi. (2011). Pengaruh amalan jenaka terhadap pengajaran dan pembelajaran murid. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan Asia Pasifik*, 26 (1): 125-144.
- Yahya Othman & Dayang Raini Pakar. (2011). Kesan perisian cerita interaktif semasa mengajarkan kemahiran bacaan dan kefahaman dalam kalangan pelajar tahun 4 di Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (1): 27-49.
- Yahya Othman. (2012). *Humor dalam pengajaran bahasa*.Selasa, 15 Mei, 2012. Dilayari pada 15 September 2012 dari laman web<http://yahyaothman.blogspot.com/2012/humor-dalam-pengajaran-bahasa.html>.
- ZailahZainudin. (2012). *Didik Hibur*. IPG Kampus Raja Melewar Dilayari pada 15 Mei 2012 dari laman web:[http://kssr.bpk.my/berita/didik\\_hibur](http://kssr.bpk.my/berita/didik_hibur).
- Zamri Mahamod & Mohamed Amin Embi. (2008).*Teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu: Teori dan praktis*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.